

# SUKAN MASUM FASA 1 DI UNIVERSITI MALAYA

Oleh : Mohd Hafeez Nordin

Pada 13 hingga 17 Mei 2008 bertempat di Universiti Malaya Kuala Lumpur Sukan MASUM Fasa 1 telah bermula membuka tirai dengan 14 acara sukan yang dipertandingkan seperti Futsal Wanita, Bola Baling Lelaki, Bola Baling Wanita, Kayak Lelaki, Kayak Wanita, Soft Ball Lelaki, Softbal Wanita, Boling Padang Lelaki, Boling Padang Wanita, Tenpin Bowling Lelaki Dan Ten-Pin Bowling Wanita dan Hoki Wanita.

Pasukan Kontingen UniMAP telah menghantar sebanyak 7 acara dan jumlah atlet seramai 69 orang dan 12 orang pegawai. Antara acara yang disertai adalah Bola Baling Lelaki, Kayak Lelaki, Kayak Wanita, Boling Padang Lelaki, Boling Padang Wanita, Futsal Wanita, Tenpin Bowling Lelaki Dan juga Tenpin Bowling Wanita. Seramai 12 Pegawai pasukan termasuk pengurus pasukan dan 7 orang sekretariat telah menyertai kejohanan ini.

Pasukan UniMAP hanya mampu beraksi di peringkat pusingan kumpulan sahaja. Bagi acara bola baling pasukan UniMAP telah diletakkan bersama-sama kumpulan UPM dan juga UPNM, perlawanan berlangsung di Gelanggang Kolej 5 Universiti Malaya. Bagi Acara Futsal Wanita pula Pasukan UniMAP telah diletakkan bersama-sama kumpulan UMT dan UDM serta UITM yang mana acara berlangsung di Dewan Pusat Sukan Universiti Malaya. Acara Boling Padang Lelaki pula UniMAP telah diletakkan bersama-sama pasukan UTM dan juga UniMAS yang vanue pertandingan adalah di Pusat Boling Padang Bukit Kiara manakala pasukan wanita pula telah diletakkan dalam kumpulan bersama-sama USM, UTHM dan UniMAS. Dalam acara Kayak Lelaki dan Kayak Wanita pula ia telah berlangsung di Kelab Tasek Putrajaya dan bagi acara Tenpin Boling pula UniMAP telah diletakkan dalam beberapa siri saringan yang mana ia telah berlangsung di Sunway Piramid Shopping Centre.



Namun bagi acara Kayak pula peserta single kayak (TK 1) lelaki berjaya untuk memasuki peringkat kedua sahaja. Manakala dalam acara Tenpin Bowling pula pemain single lelaki UniMAP telah berjaya memasuki peringkat master sahaja.

Pencapaian pasukan Kontingen UniMAP pada kali ini amatlah merosot dan pada kali ini persiapan latihan pasukan adalah kurang dan banyak permainan yang masih belum mencapai tahap permainan sebenar pemain. Diharap pada tahun hadapan pasukan UniMAP akan berusaha dengan lebih kuat lagi untuk mencapai tahap permainan yang sebenarnya disamping menggandakan lagi latihan serta persiapan pasukan dengan lebih rapi lagi.

JUMLAH KONTINGEN SUKAN MASUM FASA 1  
UNIVERSITI MALAYA  
13-17 MEI 2008

Bil	Acara	Atlit		Pegawai		Jumlah
		Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
1	Bola Baling L	12		2		14
2	Boling Padang L	6		1		7
3	Boling Padang W			6	1	7
4	Kayak L	9		1		10
5	Kayak W			9	1	10
6	Futsal W			12	1	13
7	Tenpin Bowling L	4		1		5
8	Tenpin Bowling W			4	1	5
9	Urusetia			3	2	5
10	Lain			6		6
	Jumlah	31	31	18	2	82

